

20 JUN 1999

Singapura-BT

GOH MEMBIDAS AKHBAR S'PURA KERANA RENCANA LIDAH PENGARANGNYA

Oleh: Tham Choy Lin

SINGAPURA, 20 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong membidas akhbar Business Times (BT) republik itu kerana rencana lidah pengarangnya yang mencadangkan Malaysia lebih baik ditadbir oleh pasukan baru pada alaf akan datang.

Menurut laporan berita televisyen hari ini, dalam satu surat kepada akhbar itu semalam, setiausaha akhbar Goh Ong Keng Yong berkata, rencana lidah pengarang itu "terburu-buru" dan pandangannya "bertentangan dengan kerajaan Singapura", menurut laporan itu.

Surat itu dihantar kepada BT semalam ekoran rencana lidah pengarang itu yang disiarkan pada Jumaat.

BT dijangka menyiarkan surat daripada pejabat Perdana Menteri esok.

Laporan itu memetik Ong sebagai berkata yang rakyat Singapura sememangnya berminat dengan apa yang berlaku di Malaysia memandangkan ia negara jiran.

"Bagimanapun, seperti juga rakyat Singapura, mereka tidak berminat orang asing masuk campur dalam politik mereka dengan mengambil pendirian tertentu, akhbar-akhbar Singapura mesti lebih berhati-hati apabila mengulas mengenai politik di Malaysia," Ong dipetik berkata demikian.

Ong juga berkata, isu pengganti dalam politik adalah "sensitif sekali bagi Malaysia pada waktu ini" dan adalah tidak bijak bagi Singapura masuk campur dalam debat sebelum pilihan raya mengenai masa depan Malaysia.

"Oleh itu, rencana anda menyatakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memegang jawatan Perdana Menteri terlalu lama adalah terburu-buru. Pandangan anda juga bercanggah dengan pandangan kerajaan Singapura," kata Ong.

Lidah pengarah itu diterbitkan sehari selepas Dr Mahathir menyatakan tiada sebab bagi beliau untuk meletakkan jawatan. Rencana itu menerima kritikan daripada Perdana Menteri, pemimpin-pemimpin Umno dan parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) yang turut dikaitkan dalam rencana itu.

Akhbar berbahasa Inggeris Sunday Times dan akhbar berbahasa Melayu Berita Minggu menyiarkan di muka depan kritikan Dr Mahathir terhadap rencana lidah pengarang itu yang turut menyatakan bahawa kerajaan Barisan Nasional (BN) di Malaysia "kurang cenderung untuk pembaharuan".

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata, akhbar Singapura mempunyai "tabiat menulis perkara-perkara tidak baik" mengenai negara sementara Malaysia berat mulut dalam mengkritik republik itu.

Akhbar Business Times Malaysia menggambarkan rencana lidah pengarang itu sebagai "terlampau hipokrit", mengambil kira bahawa Menteri Kanan Singapura sekarang Lee Kuan Yew telah menjadi Perdana Menteri selama 31 tahun, lebih lama berbanding Dr Mahathir 18 tahun.

"Mungkin, Business Times Singapura cuba memberitahu rakyat Malaysia untuk tidak berbuat kesilapan yang sama oleh rakyat Singapura dalam aspek itu," kata Business Times Malaysia.

-- BERNAMA

TCL PR